

PANDANGAN-DUNIA, IDEOLOGI DAN
KESARJANAAN: ISLAM, PROSES SEJARAH*
DAN REKONSTRUKSI REALITI SOSIAL

MOHAMAD ABU BAKAR
Universiti Malaya

Para sarjana, seperti golongan lain, tidak tersisih dari pengaruh pandangan dunia (*world-view*) dalam mereka menanggapi realiti luar atau alam jagat, dan perhubungan ini kadang kala bertindak secara sedar dan kadang kala tidak dalam melahirkan prasangka dan permusuhan, pandangan berat-sebelah dan penilaian salah. Keadaan pertama biasanya terbentuk oleh pendirian hidup, atau ideologi, manakala keadaan kedua biasanya diakibatkan oleh rangkuman budaya (*cultural conditioning*) serta kejahilan. Isu ini sudah lama mencabar para sarjana sendiri, terutama sekali ahli-ahli sains sosial, dalam usaha mereka melahirkan kajian yang objektif, saintifik dan *value-free*, tetapi sampai kini pun mereka masih gagal memberi penyelesaian yang muktamad atau memuaskan kepada persoalan yang berbangkit. Malah dalam pemilihan subjek perbicaraan mereka awal-awal lagi telah ditimpa masalah ini.¹

Sejarawan, sebagai ahli sains sosial, turut berdepan dengan kenyataan-kenyataan yang serupa. Malah realiti yang dihadapinya lebih sukar berbanding dengan masalah yang dialami oleh pakar sosiologi, ekonomi dan psikologi, umpamanya, lantaran pentakrifan dan penafsiran yang dibuatnya lebih terdedah kepada subjektiviti dan penilaian moral.² Pembabitannya melibatkan kepercayaan dan kepentingan peribadi, harapan dan hambatan sosial, dan keilmuan dan kefahaman yang ada. Dalam bahasa

* Asalnya kertas kerja yang dibentangkan di "Seminar Kebangsaan Isu-isu dalam Pensejarahan", 17-18 Ogos 1992, anjuran Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Penulis berterima kasih kepada beberapa teman akademik, khusus sekali Profesor Zainal Kling dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, dan Dr. Abdullah Alwi Hassan dari Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, di atas pandangan mereka terhadap tulisan ini, sekalipun tidak kesemua teguran mereka diambil kira.

yang lain, pandangan dunia secara langsung dan tidak langsung begitu berperanan dalam pembentangan dan penghuraian sejarah, sama ada berfungsi dalam bentuk teori, paradigma, *organising concept* atau pendekatan. Perbahasan di sekitar Orientalisme lewat ini, dan debat yang mengheret persoalan *Euro-centrism* dan *Malayo-centrism* di Malaysia suatu masa dahulu merupakan sebahagian daripada manifestasi kegelisahan sejarawan mencari suatu yang unggul dan sumpurna dalam profesion mereka.³ Dari segi yang lain, permasalahan ini ialah ekspresi berbentuk pendapat-pendapat lain yang mengatakan bahawa "Semua Sejarah ialah Sejarah Pemikiran" (Collingwood) atau "Semua Sejarah ialah Sejarah Masakini" (Croce).

I. Pandangan-Dunia, Ideologi dan Kesarjanaan

- ✓ Pandangan dunia boleh dijelaskan sebagai sikap dan pendirian hidup, atau keseluruhan idea seseorang atau sesuatu kumpulan terhadap dunia luar atau alam jagatnya. Terkandung di dalamnya ialah nilai-nilai spiritual dan materialnya, yang membentuk imej mental dan pelakuannya ketika berhubungan dengan sekelilingnya. Pandangan dunia beroperasi bukan sekadar mentaksir dan menilai, tetapi juga menentukan visi dalam kehidupan. Ringkasnya, pandangan dunia mempunyai empat struktur - kosmologi, etos, dinamisme dan telos.⁴ Ideologi dalam pengertiannya sebagai sistem kepercayaan, atau sebagai *totality of social and moral ideas* boleh disamakan dengan pandangan dunia, sekalipun dalam kebanyakan keadaan itu merupakan pengucapan atau perlanjutan daripada pandangan dunia. Dengan kedudukannya yang sebegini merangkumi, pandangan dunia atau ideologi amat berpengaruh dalam kehidupan, termasuk dalam dunia kesarjanaan. Apatah lagi jika ideologi berkenaan itu diberi tempat yang dominan, atau sudah menjadi sesuatu yang *established* dalam sistem sosial; dalam keadaan sedemikian pandangan dunia lebih-lebih lagi akan memunculkan "diri" sebagai sudut pandangan terbuka, berfungsi mengesahkan tindak-tanduk pelaku dan bertugas bagi mencapai matlamat tertentu. Pandangan dunia juga boleh menjelma sebagai paradigma, iaitu apabila muncul sebagai pencapaian sains yang digunakan sebagai model dalam mencari penyelesaian kepada masalah.⁵

Oleh sebab sifatnya yang bukan sahaja reduksionis dan mekanistik, tetapi juga deterministik dan teleologis, maka penganutan sesuatu ideologi lazimnya mengongkong sarjana yang terlibat sambil menghalanya kepada objektif-objektif praktisnya. Dalam konteks ini, ideologi mewakili pandangan dunia pendukungnya, atau dalam erti kata yang lain, merupakan pandangan dunia yang dizahirkan dengan penuh kesedaran dan secara teratur pula. Sehubungan ini, dua keadaan utama akan diketengahkan; pertama, ideologi dalam Orientalisme, dan kedua, sosiologi sebagai ideologi.

Orientalisme berkembang dalam konteks kolonialisme, dan muncul sebagai program tersendiri dalam rangkaian memajukan dasar imperial - atau kebudayaan Barat.⁶ Ahli antropologi dan sejarawan adalah di antara golongan sarjana yang membiak sebagai orientalis, dan mereka menjadi sayap kepada negara penjajah dalam rangka usahanya menguruskan dan mengekalkan tanah jajahannya. Pada mulanya, Orientalisme tumbuh sebagai usaha pihak tertentu di Barat untuk memahami Dunia Timur menerusi pengkajian bahasa, budaya, dan sebagainya. Sebilangan daripada mereka terdiri daripada pemimpin Kristian yang mempunyai motif untuk melemahkan dan menghancurkan umat Islam, dengan cara merosakkan aqidah mereka. Penyerangan bersifat ideologi dan intelektual ini berjalan berlarutan, dan telah menjadi trend tersendiri dengan ciri-ciri khususnya.⁷ Dunia Timur bukan sahaja menjadi objek kajian, tetapi dilihat sebagai daerah yang wajar untuk dijajah, kawasan yang kaya dengan hasil mahsul untuk dieksplorasi, dan pasaran yang baik untuk tujuan perniagaan. Seiring dengan perkembangan pemikiran ini ialah kelahiran prasangka, imej dan stereotaip tentang dunia Timur dan penghuninya; ringkasnya paradigma dalam kesarjanaan mengenainya. Islam dan penganutnya yang turut menjadi mangsa penyelidikan dan penulisan sistematis para Orientalis telah juga diletak di bawah teropong yang bersalut ideologi luar ini.

"The academic experts whose speciality is Islam have generally treated the religion and its various cultures within an invented or culturally determined ideological framework filled with passion, defensive prejudice, sometimes even revulsion".⁸

Sosiologi pula pernah dilihat sebagai ideologi kaum borjuis, sebagai reaksi golongan terhadap penentangan kaum pekerja dan kemunculan kapitalis perseorangan. Sesungguhnya suatu rahsia umum ialah bahawa pada suatu ketika ahli-ahli sosiologi Amerika terlibat secara terbuka dalam usaha mereka memupuk kesatuan dan perpaduan di kalangan pelbagai jenis golongan etnik yang menghuni Amerika dan menjadikan mereka menyerupai kaum menengah kulit putih Protestant.⁹ Maka kegiatan berteori berakhir dengan langkah memperkenalkan imej dan impian peribadi, dan hubungan sosial yang dianggap ideal. Jelas seorang penulis,

*"It is possible to view sociological theory as a form of philosophical ideology - a particular kind of need-fulfillment in which the bourgeois intellectuals legitimate their interests...."*¹⁰

Sarjana-sarjana seperti Parsons turut terperangkap oleh keadaan ini; "theorising" yang dilakukannya kuat ditentukan oleh kepercayaan bahawa Kapitalisme ialah sistem sosio ekonomi yang rasional. Weber dan Simmel juga begitu terpengaruh oleh Kapitalisme, dan penyataan dan rumusan kedua-duanya mengandungi unsur memihak yang jelas kepada ideologi itu. Paling tidak, perspektif sosiologi menuntut sarjana menunjukkan reaksi kepada cabaran sekitar, dan dengan demikian beroperasi sambil menjadikan idea mereka alat untuk hidup.¹¹ Sudut pandangan ini juga telah dipopularkan dan dipersejagatkan sebagai sesuatu yang bersifat objektif dan rasional, serta bebas daripada unsur nilai. Dengan perkembangan pusat pengajian tinggi yang memperlakukan pendekatan yang memihak ini, bias yang sering di momok-momokkan itu telah menjadi sesuatu yang diinstitusikan. Nampaknya, kita terpaksa akur dengan pandangan bahawa, "*There is no effective protection against the misuse of ideas, against their deterioration into ideological coins and political weapons.*"¹² Cuma keadaan ini ketara ataupun tidak ketara terdapat, diperjelas secara terbuka ataupun tidak oleh sarjana yang terbabit. Sejarawan, selaku sarjana yang tergolong dalam kategori ahli sains sosial memaparkan kecenderungan ideologi yang sama, tanpa mereka semestinya menyedari hakikat itu.¹³

Dalam sejarah penulisan sejarah, sejarawan di pelbagai zaman, dari semenjak Herodotus dan Kautilya, telah berinteraksi dengan fakta mereka dari perspektif-perspektif yang ternyata terbentuk atau terkongkong oleh pandangan dunia masing-masing. Mercu kepada keadaan ini ialah pemupukan dan pembabitan ideologi secara sedar yang dilakukan oleh sarjarawan-sajarawan Marxis. Kalaulah Herodotus tidak dapat memisahkan diri daripada kepercayaannya kepada takdir, serta terikat kepada motif "menghibur" dalam penulisannya, dan Kautilya pula asyik dengan persoalan mempertahankan keturunan dewa dan raja,¹⁴ maka begitulah juga Ssu-ma Chien terkongkong oleh penilaian moral dan Tun Seri Lanang terpengaruh, antara lain, oleh etika "menyukakan duli hadrat beginda", lantaran mereka beroperasi dalam konteks pandangan dunia atau kerangka ideologi masing-masing.¹⁵ Peranan agama juga menonjol, dan telah mendasari pendekatan sejarah, sebagaimana yang terdapat dalam persejarahan Buddha, yang bermatlamatkan pemindahan nilai-nilai ortodoks ke generasi akan datang. Pandangan-dunia juga berperanan besar dalam perkembangan persejarahan Yahudi. Sejarawan begitu peka terhadap keperluan mewujudkan kesedaran tentang masa lepas kaum Yahudi, terutama doktrin agamanya, dan mencari sebab mengenai kemundurannya pada masa lalu.¹⁶ Keagamaan dan idea keakhiran juga membentuk pemikiran sejarah dalam Kristianiti sehingga membolehkannya menjadi ideologi bertindak.¹⁷ Karya-karya St. Augustina dari Hippo, terutama sekali *The City of God* dan *The Confessions*, sarat dengan penerangan berbau keagamaan, yang antara lain membentangkan konflik antara unsur ketuhanan dan unsur kesyaitanan. Dalam konteks Orientalisme, telah juga muncul ramai sejarawan yang berbekalkan atau terpengaruh oleh ideologi, dalam menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penulisan mereka. Orientalis menghidang sejarah mengikut fahaman Barat, dan di antara sasarananya ialah sejarah dan kebudayaan Islam. Teguran ini tidaklah pula menafikan keupayaan (keupayaan terhad) setengah daripada mereka mendekati Islam, seperti Gibb yang telah memberi pemberatan kepada tradisi *theological-legal*, Malvessi yang telah memberi penumpuan kepada dimensi kemanusiaan, dan Rodinson yang telah memberi penekanan kepada ideologi, dalam kupasan masing-masing. Ataupun beberapa sejarawan lebih awal daripada mereka seperti Bishop Sebeos¹⁸ dan Fidenzio,¹⁹ yang masing-masingnya telah menunjukkan pemahaman yang agak menyenangkan.

Pembawaan ideologi, sama ada akibat daripada penerimaannya sebagai falsafah politik, atau disebabkan sejarawan berkenaan hidup di bawah naungannya, semestinya membawa kepada pergabungan antara pembentangan fakta dan penilaian moral. Sejarawan besar seperti von Ranke tidak dapat mengelakkan dirinya daripada keadaan sedemikian; "Sejarah Dunia" yang dihasilkannya berpusat pada sejarah Eropah, dan realiti luar tertolak menjadi adegan pinggiran dalam "pementasan"nya. Beliau mungkin lebih berjaya daripada beberapa sejarawan yang lain dari segi keupayaannya merakamkan sejarah "seperti sebenarnya berlalu", iaitu menjadikannya sesuatu yang bercorak saintifik; tetapi penumpuan kepada benua tempat kelahirannya, serta nilai-nilai yang terkandung di dalamnya, menunjukkan sikap memihak yang ada pada tokoh itu. Perasaan dan sentimennya berperanan sama, dalam penerokaan dan pemilihan fakta sejarah. Idea sejarah dan penulisan sejarah pada zaman Nazisme dan di bawah komunisme sering dimomokkan sebagai 'propaganda', manakala konsep sejarah dan persembahan sejarah di tempat-tempat lain seperti Amerika Syarikat dan Britain tidak diberi label serupa, sekalipun kewujudannya juga diransangi atau direstui oleh ideologi pemerintah atau masyarakat. Sebenarnya antara kedua-dua keadaan ini hanya terdapat perbedaan dari segi jumlah fakta dan darjah penilaian moral sahaja, dan bukannya kerana yang satu berkecamuk antara fakta dengan penghukuman moral, dan yang satu lagi seratus peratus tegak atau dasar empiris. Perkataan 'propaganda' yang digunakan secara pejoratif sesungguhnya merupakan deskripsi yang boleh digunakan untuk kesemua jenis sejarah, dari dahulu hingga sekarang; yang pentingnya ialah apakah kerja propaganda itu dijalankan secara sistematis dan saintifik ataupun tidak, dan apakah perkara yang dipropagandakan itu baik atau buruk untuk manusia dan kemanusiaan. Bagi sejarah Marxis di Rusia dan China, mereka bukan sahaja berpendirian progresif dan revolusioner, tetapi juga bersifat saintifik dan sistematis;²⁰ sedangkan pada kaca mata pengkritik seperti Raymond Aron, pembabitan mereka menggalak keganasan dan memupuk fanatisme.²¹

Pengaruh *Enlightenment*, dengan kepercayaannya kepada kemampuan akal meneroka dan memahami alam jagat menerusi hukum tabii, tidak sepenuhnya dapat mengubah orientasi dan pendekatan sejarah tradisional. Benar sekali sejarawan turut

terpukau oleh penglibatan puak *philosophes*, dengan kaedah sainsnya,²² tetapi seperti ahli sosiologi mereka tetap dan terus bergelumang dengan pembabitan moral yang lahir daripada pandangan dunia mereka. Matlamat-matlamat praktis, sama ada yang bersifat etika, estetika, keagamaan dan politik, yang menguasai pemikiran dan pelakuan ahli sosiologi, juga berfungsi dalam falsafah dan pendekatan sejarah para sejarawan. Berikutnya penerimaan sosialisme oleh sebahagian daripada anggota intelektual di Eropah, sejarah telah bernaung di bawah ideologi tersebut dan diperhambakan untuk tujuan politiknya. Begitulah keadaannya di England sebelum 1914, dan situasi di Perancis setelah sejarawan-sejarawan dari Nicole Normale sujud kepada tuntutan sosialisme.²³ Keperihalan keadaan yang serupa menentukan perilaku ahli sejarah yang beroperasi sebagai sejarawan tidak rasmi, pembuat dasar dan pencatat di zaman penjajahan. Sejarah sehubungan ini menjadi alat kolonialisme, khususnya dari segi peranannya mencari dan memberi pengesahan kepada polisi imperial.²⁴ Satu situasi tali-temali wujud sebagai kesan-akibat daripada ini, seperti kelahiran *nationalist historians*, yang bersikap marah dan menentang sejarawan-sejarawan kolonialis.²⁵ Sebagai contoh, "*Spurred by the emotions of national pride, Asian writers... took the other extreme view. Some Asian writers upheld the supremacy of their own culture and civilization and tried to belittle the Western contribution. In India, Hinduism in all its aspects was defended, the Vedas were upheld as the source of all human knowledge and a certain school of ardent advocates of Hinduism even asserted its supremacy over other religions*".²⁶

Perang Dingin yang mempertemu dua ideologi - Barat dan Timur - juga telah mewujudkan paradigma-paradigmanya yang tersendiri, sehingga persejarahan yang berkembang dibawah pengaruhnya begitu kuat di resapi oleh nilai-nilai ideologi berkenaan. Konflik ini telah diterjemahkan menjadi konflik pendekatan, yang menyaksikan kelahiran sejarawan-sejarawan seperti Lord Acton dan Isaiah Berlin, yang merencanakan tulisan mereka bertujuan menentang historicisme. Dari segi pejuang sosialisme, sejarah seharusnya ditafsir mengikut idea mereka. "Because he proclaims the universal truth of a single view of History, he reserves the right to interpret the past as he pleases".²⁷ Hubungan Antarabangsa, dalam pengertian sejarah diplomasi, sarat dengan pendekatan yang berisi dan berbau dogma-dogma pihak yang bertentangan.²⁸

Pandangan dunia dan ideologi yang berbeza yang membentuk persekitaran pemikiran penulis pernah menyebabkan wujudnya komitmen yang awal-awal lagi (serta berterangan pula) untuk menentang cara hidup pihak yang menjadi objek penulisan. Sambil mengagung-agungkan budaya yang mereka wakili, pembentang-pembentang ini, tanpa penyelidikan yang mendalam, membuat tuduhan melulu dan kritikan bertubi-tubi bagi merendah-rendahkan budaya lain. Sejarawan Arab dan Turki, yang terjerumus ke dalam konflik ini, telah saling mengutuk masa lepas sesama mereka, sambil memunggah pengalaman lalu dan memetik stereotaip lama dalam penulisan sejarah.²⁹ Beberapa orang sejarawan Arab moden juga terlibat dalam penulisan semula sejarah Perang Salib, dengan pengemukakan persepsi masa kini dalam pemahaman mereka.³⁰ Pengajaran sejarah di banyak universiti di Barat, termasuk dalam lapangan pengajian Asia Tenggara, turut mengekalkan tradisi ini hingga kini.³¹

Namun begitu, bukanlah suatu kesalahan menerima dan mempopularkan pandangan Bury bahawa "Sejarah sendiri adalah sebetulnya suatu sains, tidak kurang dan tidak lebih," dan pada masa yang sama berpendirian bahawa sejarah tidak dapat memisahkan diri daripada persoalan memihak, penilaian moral dan seumpamanya, lantaran adalah mengenai manusia oleh manusia, dan manusia itu sentiasa bersikap subjektif. Pendapat pengarang *The Idea of Progress* ini menjadi suatu pemikiran yang relevan kerana sejarah juga mampu di pertingkat dan diperelok menerusi kaedah empiris atau metode saintifik, sebagaimana sains-sains sosial yang lain. Dan kalaularas atas alasan bahawa ciri-ciri "negatif" ini, iaitu memihak dan penilaian moral, terdapat dalam sejarah, kedudukannya sebagai satu sains dinafikan, maka pertanyaan kita ialah apakah sosiologi, ekonomi dan psikologi juga tidak berada dalam predikamen yang serupa? Malah akhir-akhir ini kedapatan usaha ke arah *sacralization of social scientific discourse*, dengan menempatkan *theoretical sacralization* dan *methodological sacralization* sebagai persoalan-persoalan yang relevan dalam memahami kehidupan dan masalah manusia.³² Lebih daripada itu, lantaran sains tulen seridiri, apabila berkembang di bawah naungan dan arahan ideologi, atau sistem sosial yang beroperasi, menampilkkan dan memperlihatkan pandangan dunia pemerintah dan pentadbir yang terlibat,³³ penyertaan pandangan dunia golongan atas terpaksa diberi perkiraan. Satu lagi perkembangan terakhir ialah pemberatan yang cuba diberi

kepada *present-centredness*, yang terkandung di dalamnya konsep dan kategori kini, dalam pengkajian dan penulisan sejarah.³⁴

Jadi, apakah perolehan objektiviti dalam penulisan sejarah suatu mimpi luhur, di sebabkan hambatan dan halangan yang diketengahkan? Sebenarnya objektiviti mempunyai dua erti; pertama ialah kebolehan memapar dan mentafsir sejarah TANPA bias dan prasangka, atau membentang fakta sejarah seada-adanya, dan kedua keupayaan mengemukakan sejarah secara sistematis, berpandukan sudut pandangan tertentu, pengaplikasian pendekatan tersebut secara konsisten, dan penilaian atas dasar kaedah yang digunakan. Objektiviti dalam pengertian pertama tidak akan tercapai, kerana seperti kata Dray, "*Historical accounts are necessarily value-laden*". Motif ahli sejarah serta pemikiran konteks penyelidikannya sudahpun merupakan pertimbangan awal yang mewarnakan pendekatan dan kaedah sejarahnya. Sejarawan tidak boleh membebaskan dirinya daripada hakikat dirinya sebagai manusia yang berpendirian dan sudah sebatik dengan pemahaman tertentu. Sebaliknya objektiviti jenis kedua boleh dicapai; "[It] is achieved not in spite of but because of the fact that historians write from a point of view...".³⁵ Sudut pandangan ini, sekalipun tetap *value-laden*, kerana mengandungi prasangka, bias, dan seringkali juga mewakili zaman sejawaran, tidak membantut perolehan objektiviti, selagi digunakan dengan kesedaran, dan gambaran yang diberi selari dengan nilai-nilai yang menjadi anutan itu.

*"So long as a particular interpretation is consistent with the underlying value system or point of view from which it is written it is as objective as any other interpretation which similarly meets the test of objectivity".*³⁶

Subjektiviti yang menyenangkan, seperti yang ditunjukkan oleh setengah-setengah sejarawan yang bersimpati dengan pihak atau golongan yang dikaji, bukan semestinya suatu objektiviti kerana tulisan berkenaan mungkin tidak dilahirkan berdasarkan penyelidikan sebenar dan pembentangan yang sistematis.

Dengan berlatarbelakangkan pengamatan-pengamatan di atas ini, kita akan cuba meneroka dan menganalisa idea sejarah dalam Islam, pengaruh konsep sejarah itu ke atas sejarawan Islam, dan keperluan merekonstruksi sejarah mengikut perspektif Islam ini.

II. Pandangan dan Pendekatan Islam Terhadap Sejarah

Konsep sejarah dalam Islam bersifat *theo-centric*, dengan manusia masih memegang watak atau peranan utama dalam proses sejarah. Pandangan hidup yang berpusat pada kepercayaan kepada Allah, dengan segala sifat-Nya, atau pandangan dunia tauhid, beroperasi dalam pentaksiran dan penerangan sejarah, sebagaimana ia berfungsi dalam kehidupan Islam yang lain.³⁷ Bahawa "The world view of tauhid means the universe is unipolar and uniaxial",³⁸ sebagaimana yang dijelaskan oleh Murtaza Mutahhari, pendekatan Islam terhadap sejarah dengan demikian semestinya bertolak dari komitmen kepada Allah, bertindak dalam kerangka yang digariskan oleh-Nya, dan bermatlamatkan objektif-objektif yang ditentukan olehNya. Keadaan ini juga menyebabkan sudut pandangan ini bersifat universal, mengandungi unsur-unsur *deterministic* dan bercorak moralistik. Al-Quran sehubungan ini bukan sahaja merupakan sumber sejarah, yang kaya dengan kisah dan pengkisahan lepas, tetapi juga meletakkan garis-garis tertentu yang menjadikan kaedah sejarah dalam Islam berbentuk teleologikal dan heuristik.

Manusia dianggap penting kerana dia serentak adalah hamba dan khalifah Allah di bumi, dan atas dasar inilah perlakuannya diberi penghakiman dan penghukuman di dalam sejarah atau di akhirat nanti. Manusia dalam Islam sebenarnya bukan sekadar menjadi agen sejarah, tetapi juga merupakan makhluk yang dituntut mempelajari dari sejarah dan menentukan perjalanan sejarah.³⁹ Cuma dalam pembentangan sejarah mengikut perspektif Islam, penekanan diberi kepada makhluk itu sebagai komuniti, bangsa atau kolektiviti, sehingga Iqbal, dalam satu pengucapannya mengatakan bahawa, "It is one of the most essential teachings of the Quran that nations are collectively judged, and suffer for their deeds here and now".⁴⁰

Penegasan serupa dibuat oleh Anwar al-Jundi apabila beliau mengatakan bahawa "*History in reality is the movement of time through the medium of society*".⁴¹ Sehubungan ini, pergerakan manusia boleh bertindak dalam bentuk "linear" atau "cyclical" dalam menuju penghayatan Islam itu. Apapun yang berlaku, persoalan pokok yang menjadikannya bersejarah ialah perhubungannya dengan Tuhan, kerana manusia diciptakan oleh Allah untuk menghayati prinsip-prinsip yang diturunkan oleh-Nya - dia dijadikan dengan tujuan-tujuan tertentu, dengan berbekalkan akal yang telah dianugerahkan kepadanya.

a) Pendekatan yang Universal

Sifat kesejagatan pendekatan sejarah dalam Islam boleh difahami dari beberapa sudut; dari segi ruang masa, bidang operasi, dan keseluruhan penilaianya. Sejarah yang terbentang dalam Al-Quran ialah sejarah manusia dari semenjak Nabi Adam hingga ke Nabi Muhammad, dengan kandungannya yang meliputi perjuangan mereka, jatuh-bangun bangsa dan kaum, dan kesan serta akibat yang pernah diterimanya dalam proses sejarah. Temanya sama, iaitu persoalan pengabdian - penderhakaan kepada Tuhan. Malah dimensi kehidupan akhiratpun kadang kala termasuk dalam penilaian ahli sejarah yang kuat diresipi oleh pandangan dunia tauhid. Dan sebagai peraturan terakhir, mesej Islam berfungsi hingga ke akhir zaman. Masa lepas, masa kini dan masa depan bertemu dengan proses sejarah.

Kesejagatan pendekatan Islam dari sudut bidang operasi merujuk keterlibatan semua segi kehidupan dalam ruang lingkup sejarah - politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Jin dan malaikat, haiwan dan tumbuhan mempunyai kerelevanannya dalam skema sejarah Islam. Mesej Islam sebagai rahmat kepada keseluruhan alam perlu digarapkan dalam semua situasi bagi menjamin kejayaan. Arena sejarah amat luas, tidak dibatasi oleh masa atau ruang. Faktor-faktor yang bertanggungjawab menggerakkan proses sejarah tidak terbatas kepada faktor-faktor material, tetapi juga meliputi unsur spiritual dan emosional, yang zahir dan yang terlindung, dan sebagainya.

Segala kehadiran dan pergerakan dalam sejarah berada dalam pengetahuan Tuhan, dan tidak suatu pun yang terlepas

dari pada pandangan-Nya. Ini memungkinkan manusia meneliti dan mempelajari peribadi dan peristiwa dalam sejarah dengan membuat penilaian yang diperlukan. Apatah lagi interaksi antara pelbagai kehidupan, yang dahulu dan yang sekarang, antara pelbagai sektor kehidupan, mewujudkan suatu keseluruhan yang bermakna, bagi mereka yang ingin melihat kesatuan dan kesinambungan dalam sejarah.

Keuniversalan pendekatan sejarah Islam tidak bermakna segala peristiwa terakam dalam Al-Quran. Rujukan dan penelitian kepada episod lepas dibuat dengan cara selektif, dan bahangan atau fakta-fakta yang dibentangkan itu dibicarakan dari sudut nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Tuhan.⁴²



b) Unsur-unsur Determinisme

Ajaran-ajaran Islam yang mengandungi garis panduan untuk manusia, serta ketetapan mengenai akibat yang bakal diterima oleh pelaku-pelaku dalam sejarah menjadikan pendekatan sejarah berkenaan berunsur determinisme atau ketakdiran. Semacam hukum-hukum sejarah yang umum terbentang dalam pengajaran ini, dan keadaan menjadi lebih ketara apabila *covering law* ini bertindak secara konsisten, logikal dan sistematis. *Sunatu Allah*, atau perjalanan hukum ini, beroperasi dalam semua keadaan. Tidak terdapat pelakuan secara kebetulan, kerana kesemua kejadian berlangsung mengikut peraturan-peraturan universal atau landasan-landasan tertentu, selari dengan Iradah Tuhan. Atas sebab ini jugalah telah berlakunya pengulangan atau pusingan dalam sejarah, dengan jatuh-bangunnya bangsa disebabkan oleh tindak tanduk mereka, atau pemusnahan terus sesuatu kaum, lantaran kedegilannya setelah diberi amaran demi amaran.⁴³

Ayat-ayat Al-Quran yang berikut menerangkan bentuk determinisme yang terdapat dalam fahaman Islam:

"Dan apa saja musibah yang menimpa kamu maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri...."
(Asy-Syura:30)

"Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)." (Al-Rum: 41)

"Dan jika Kami hendak membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancurnya." (Al-Isra: 16)

"Dan tidak adalah Tuhanmu membinasakan kota-kota, sebelum Dia mengutuskan di ibukotanya seorang rasul yang membacakan ayat-ayat Kami kepada mereka; dan tidak pernah (pula) Kami membinasakan kota-kota - kecuali penduduknya dalam keadaan melakukan kezaliman." (Al Qasas: 28)

Aspek determinisme ini juga terkandung dalam penegasan Ilahi bahawa Dia akan berpihak kepada yang bertakwa: *"Sesungguhnya Allah berada di pihak orang-orang yang takut pada-Nya dan orang-orang yang berbuat kebaikan."* (An-Nahl: 127)⁴⁴ Dan ada kalanya, penyiksaan dikenakan oleh Allah ke atas manusia bertujuan memberi keinsafan kepada mereka.

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus (rasul-rasul) kepada umat yang sebelum kamu, kemudian Kami siksa mereka dengan menimpakan kesangsaraan dan kemelaratian, supaya mereka bermohon (kepada Allah) dengan tunduk merendahkan diri." (Al-An'am: 42)

Sehubungan ini, telah juga berlaku dalam sejarah bagaimana Allah mengisi ruang sejarah, dengan kaum yang baru, apabila kaum sebelumnya dimusnahkan.

"Dan berapa banyaknya (penduduk) negeri-negeri yang zalim yang telah Kami binasakan, dan Kami adakan sesudah mereka kaum yang lain." (Al-Anbiya: 11)

"Dan kalauolah kamu tidak sanggup berjuang, Tuhan akan menimpakan azab siksa yang pedih ke atas kamu, dan Tuhan akan mengantikan kamu dengan kaum yang lain." (At-Taubah: 39)

Dan penyataan Al-Quran yang paling jelas mengenai determinisme yang dimaksudkan ialah ayat 34, Surah Al-Araf, apabila Allah berfirman (maksud): *"Tiap-tiap umat itu mempunyai batas waktu yang ditetapkan, maka apabila telah datang waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak dapat (pula) memajukannya".*

Determinisme dalam Islam berpuncak daripada penyertaan Allah dalam proses sejarah. Namun begitu, pada pandangan luarnya perlakuan manusialah yang mewujudkan sebab-musabab. Seterusnya oleh sebab sifat manusia serta problem yang dihadapinya di sepanjang sejarah umumnya adalah sama, pola pelakuannya membolehkan penekaan dibuat dengan mudah.⁴⁵ Namun begitu, determinisme dalam Islam bukan sahaja berbeza dari determinisme yang terdapat dalam teori-teori sejarah moden, seperti Marxisme, kerana masih memberi tempat kepada peranan (atau pemilihan) manusia,⁴⁶ tetapi juga kerana tidak terikat kepada faktor-faktor tertentu, seperti kuasa material sebagai penggerak.

c) Elemen Moralistik

Pemahaman sejarah dalam Islam bersifat moralistik kerana ketetapan dan suruhan Ilahi, dengan penegasan-Nya tentang baik dan buruk merupakan ajaran-ajaran untuk penghayatan. Kejayaan dan kegagalan mematuhinya mempunyai implikasinya; sebahagian daripadanya berbentuk manifestasi yang nyata dalam sejarah. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadith ialah panduan untuk manusia menjalankan kehidupan di dunia, selaku hamba dan khalifah Allah. Realiti lepas yang terkandung dalam Al-Quran menjelaskan lagi hakikat ini. Dan peraturan ini mempunyai nilai-nilai praktis, sama ada dilihat dari sudut sejarah, ataupun dalam konteks *the here and now*. Pelajar sejarah, dalam erti kata penganut Islam khususnya, dianjurkan supaya hidup dan berkembang dalam suatu kesedaran sejarah, dan bukan membiarkan diri ditentukan oleh sejarah. Peranan

mendefinisikan sejarah terletak di tangan mereka. Peringatan yang terkandung dalam Al-Quran amat jelas.

"Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka adalah menjadi pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal mahu berfikir." (Yusuf: 3)

"Tidakkah mereka berjalan di muka bumi dan melihat bagaimana akibatnya orang-orang dahulu kala." (Rum: 9); "dan bagaimana Allah telah membinasakan umat terdahulu disebabkan oleh tindakan berdosa mereka" (al-Qasas: 78)

Pengesahan kaum Saba, sebagaimana yang ternukil dalam Surah Saba, ayat 15-18, menunjukkan bagaimana padah yang telah diterima oleh golongan yang ingkar. Begitu juga peringatan dalam ayat 17, surah Al-Isra' mengenai kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum selepas Nabi Nuh. Begitulah juga halnya dengan kaum Ad dan Thamud. Dan sebagai peringatan kepada manusia supaya menghindarkan kezaliman, Al-Quran juga menerangkan bahawa, *"Dan Tuhan Kamu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan penduduknya berbuat kebaikan."* (Hud: 117)

Dalam satu pembentangan lain, al-Quran juga memperihalkan bahawa,

"Jika sekiranya warga sesebuah negara itu beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan limpahkan kepada mereka barakah dari langit dan bumi." (Al-Araf: 96). Sebaliknya, kejahatan yang dilakukan oleh manusia akan hanya menempah balasan azab dari Tuhan (An-Nahl:34), dan keazaban ini datang dalam berbagai bentuk: "Katakanlah: Dia yang berkuasa untuk mengirimkan azab kepada kamu, dari atas kamu atau dari bawah kamu...." (Al-An'am: 65)

Kaum yang berdosa tidak dapat menolak seksaan Tuhan (Al-An'am: 147). Sehubungan ini Allah juga menerangkan bahawa,

"Jika kamu berpaling niscaya Dia akan mengganti (kamu) dengan kaum yang lain, dan mereka tidak seperti kamu (Muhammad: 38). Dalam konteks ini, rasul-rasul telah dibangkitkan dari semasa ke semasa untuk menyampaikan ajaran Ilahi, dan menerusi merekalah manusia memperolehi kaedah hidup yang direh dai."

Jelas sekali bahawa sejarah sebagai *ayyam Allah* atau "Hari-Hari Allah" seharusnya diikuti untuk mendapat pengajaran dan pengarahan. Jatuh-bangun kaum-kaum yang lepas, serta kejayaan - kegalgalannya dalam perjalanan sejarah, ialah pemaparan Sunnatullah, yang semestinya mengandungi i'tibar. Apabila wujudnya faktor-faktor tertentu, dalam kadarnya yang tertentu, sejarah akan berulang, sekalipun zaman sejarah yang terlibat berbeza. Dalam hal ini, Al-Quran dengan jelas menyatakan keperihalan yang menyelubungi sesuatu kaum yang akan ditimpakan malapetaka, disebabkan kezaliman yang berleluasa. Dalam kata-kata yang lain, sejarah dalam Islam juga adalah *philosophy teaching by examples*, untuk meminjam pendapat Henry St. John Bolingbroke.

d) Ciri Teleologikal dan Heuristik

Apabila ketetapan Allah menjadi ukuran mutlak, atau penentuan yang mengatasi segalanya, maka dengan sendirinya sejarah akan ditanggapi dengan keyakinan. Tuhan sebagai Penjadi yang maha mengetahui tentang kehidupan masa lepas, masa kini dan masa depan akan menjadi sandaran bukan sahaja untuk mentafsirkan zaman dan peristiwa yang telah berlalu, tetapi juga untuk meneka perjalanan zaman yang mendatang. Tidak kesemua babak dan detik masa lalu ternukil dalam Al-Quran atau Al-Hadith, tetapi dengan berpandukan hukum-hukum umum dan rumusan-rumusan yang terkandung di dalamnya, manusia umumnya dan sejarawan khususnya, dapat membuat andaian bermakna tentang *future history*. Pengulangan masa lalu boleh terjadi dalam konteks masa depan. Parameter yang diletakkan dalam Islam agak jelas, khususnya berkaitan pertentangan antara yang hak dan yang batil, kesan yang bakal diterima oleh pelaku makruf dan pelaku mungkar, dan ganjaran-ganjaran lain! Bahan sejarah yang berkaitan mungkin terlindung dari perhatian atau

pengamatan sejarawan, sehingga sukar untuknya membuat penganalisaan. Itu persoalan ketidakupayaan manusia, dan bukannya ketiadaan fakta.

Perancangan sejarah depan seharusnya bertolak dari sejarah lepas, kerana kedua-duanya bertalian, bahagian-bahagian dari satu kesatuan, dan mempunyai matlamat yang sama pula. Pengayaan dalam kehidupan boleh berlaku dalam interaksi baharu ini, tetapi mesti bertindak dalam suatu integrasi yang sedia tercipta pada masa lalu, terutama sekali dari sudut komitmennya kepada Ilahi. Apakah lagi sentiasa wujud naluri pada manusia yang akan memandunya kepada pencarian kebenaran, dan Islam ialah pembuka jalan dan penyelamat kemanusiaan. Di sini jugalah penilaian tentang kemajuan boleh dibuat; namun begitu, kemajuan yang dimaksudkan itu bukanlah suatu kewujudan yang pasti, sebagaimana yang dipercayai oleh golongan Marxis dengan idea *historical inevitability*, kerana pemilikan ketaqwaan dan nilai tinggi bukanlah kepunyaan mutlak satu-satu zaman, atau manusia akan datang saja. Dalam Islam, sejarah bukan satu *unilinear progression*, sehingga membolehkan sejarawan meneka masa depan dengan penuh optimis.

III. Proses Sejarah dan Penulisan Sejarah

Pandangan dunia Islam begitu berpengaruh dalam pemahaman dan pembentangan sejarah pada zaman awal dalam sejarah penulisan sejarah Islam. Semangat yang dicetuskan oleh Al-Quran menggerak orang Islam membuat penyelidikan sejarah, khususnya yang berkaitan dengan kehidupan Rasulullah.⁴⁷ Persoalan mendapat *ibrah* atau teladan dari kisah-kisah lalu menjadi faktor yang memberangsangkan peneroka masa lepas itu.

"With such a powerful book as the Quran ever present in their minds, therefore Muslim historians almost invariably emphasised the moralistic approach in their writing, and sought to substantiate "God's Ways" in the life of past generations as well as their own."⁴⁸

Namun begitu, falsafah dan pendekatan sejarah ini bukan sahaja gagal untuk bertahan berterusan, tetapi ahli sejarah beragama Islam telah juga terheret ke dalam sistem ideologi bukan Islam dalam pentafsiran masa lalu, sama ada objek pengamatan mereka itu sejarah Islam ataupun sejarah orang bukan-Islam. Akibatnya, kehidupan Islam yang berpaksikan *al-tasawwur al-Islami* turut sama diperkatakan dan di perbahas dari sudut-sudut pandangan dunia yang kontra dengan cita-cita Islamiyyah, dan sejarawan terlibat menjadi agen kepada budaya musuh Islam.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, di antara penumpuan awal dalam persejarahan Islam ialah Sejarah Nabi Muhammad S.A.W. Ini diikuti oleh pembabitan-pembabitan lain, dalam bentuk cerita dan kesah peperangan, pengkajian sejarah untuk tujuan pendidikan Islam dan riwayat mengenai perkembangan ummah.⁴⁹ Kesedaran sejarah tertumpu kepada penelitian dan pemahaman peristiwa-peristiwa dalam sejarah orang Islam, khususnya perkembangan dalam masyarakat Muslim itu sendiri. Pihak dan golongan lain seperti komuniti Kristian dan Yahudi turut diberi perhatian jika berinteraksi dengan proses sejarah Islam ini.⁵⁰ Keadaan ini berkembang agak lama. Selain faktor agama yang beroperasi, tradisi penulisan sejarah ini juga menjadi lanjutan serta menerima pengukuhan daripada kecenderungan asal orang Arab mengumpul dan merakam salasilah dan kisah-kisah peperangan mereka (*al-Ayyam*) dalam bentuk lisan atau tulisan. Dengan kedatangan Islam, trend lama ini terus berkembang dengan beberapa pengubahsuaian dan penekanan baharu, khasnya dengan penumpuan yang semakin diberi kepada pentafsiran isi al-Quran, pengumpulan al-Hadith, dan pengesahan kehidupan Rasulullah. Pengaruh pandangan dunia Islam yang terpupuk daripada komitmen keagamaan adalah jelas, sehingga sejarawan muncul dan berinteraksi dalam suasana keislaman, manakala fahaman luar yang boleh mencemarkan pendekatan Islam tidak kuat dan belum benar-benar menjalar ke dalam masyarakat Islam, kecuali *syuubiyyah* atau fanatism kebangsaan dan kesukuan, yang sekali-sekala menguasai keadaan. Maka telah lahir tokoh-tokoh seperti Urwah bin al-Zubyr, Shurahbil bin Sa'ad, Abdullah bin Abu Bakar bin Hazm dan Muhammad bin Ishaq,⁵¹ yang memusatkan perhatian mereka kepada kemunculan Islam dan perjalanan sejarahnya dari sudut keagamaan. Beberapa sejarawan Islam terkemudian juga

menampilkan jenis karya yang serupa. Sejarah dibentang oleh mereka dari sudut spiritual, kadang kala dengan pemberatan diberi kepada gejala-gejala yang menimpakan manusia dan bangsa yang telah mengingkari perintah Tuhan.⁵²

Politik dan perperangan yang mencirikan kehidupan umat Islam selepas zaman Khulafah al-Rasyiddun terutama sekali telah turut mempengaruhi persekitaran penulisan sejarah, dan antara aspek-aspek yang mula atau semakin berkembang ialah pemupukan ideologi peribadi pemimpin dan pengagungan suku kaum, tanpa mengira tuntutan agama. Seterusnya, berikutan penjajahan fizikal oleh Barat ke atas umat Islam, penganut agama itu bukan sahaja berada dalam satu periode *the end of history*, tetapi sejarah lama dan sejarah yang sedang berkembang semakin dilihat dari perspektif bukan Islam. Orientalisme dalam persejarahan mengenai orang Islam mencecah zaman keemasannya. Pembabitan luar dalam penulisan sejarah ini mempunyai kesan jangka pendek dan jangka panjang. Dalam waktu yang singkat, kerasulan Muhammad S.A.W., status Al-Quran dan pengasasan tamadun Islam diletak dalam satu pemahaman yang baharu, sebagaimana yang ternukil dalam *The Life of Mohamet* oleh Muir, *Des Leben Muhammed* oleh Noldeke, dan *Das Leben des Muhammed* oleh Krehl. Bagi sarjana seperti von Grunebaum, pengaruh Yahudi dan Kristian menjadi asas dan faktor penturut kepada kemunculan Islam, manakala bagi Guillaume, Al-Quran berpunca daripada tradisi Yahudi dan Kristian, atau kreasi sejarah. Sudut-sudut pandangan Islam diketepikan atau diperkecilkan dalam skema kesarjanaan ini. Ternyata sekali bahawa trend ini semakin berkembang, hatta setelah pengajian Islam menjadi satu disiplin yang bebas di universiti-universiti di Barat pada pertengahan kurun ke-19, dan berada di tangan tokoh-tokoh seperti Goldziher (1850-1921) dan Snouck Hungronje (1857-1936). Cita-cita murni sejarawan Barat yang terlibat untuk mewujudkan *the highest standards of historical scholarship and interpretation to bear on Islamic history*,⁵³ gagal diterjemahkan menjadi kenyataan yang menyenangkan. Sejarah Islam dan sejarah penganutnya di lihat dan dianalisa dalam skema sejarah Barat, atau sejarah sejagat (mengikut pandangan mereka), yang dibentangkan tanpa rujukan kepada peranan wahyu; sejarah yang telah dilalui oleh Islam akibatnya menjadi sebahagian daripada evolusi kehidupan manusia, sebagaimana yang ternukil dalam pengesahan oleh Hegel, Spengler, dan sejarawan sependirian dengan mereka.

Begitulah kesarjanaan Barat yang berkisar pada pengajian Islam berkembang. Satu demi satu karya yang berisi penuh prasangka dan pembohongan dihidangkan; Fisher dengan *History of Europe*, Hitti dengan *Islam and The West*nya dan Watt dengan *Muhammad: Prophet and Statesman*nya, dan wajah Islam pada umumnya tidak bertukar pada pandangan sejarawan-sejarawan jenis ini.⁵⁴ Dalam jangka waktu yang panjang idea kemajuan Barat semakin mengambil alih pemahaman Islam⁵⁵ dan menghakis keimanan dan pendirian Islam penganut Islam, termasuk mereka yang kemudiannya muncul sebagai pembuat dasar di negara Muslim. Sebahagian daripada mereka lahir sebagai sejarawan, dan tidak kurang daripada mereka ini menganut metodologi Barat dalam menganalisa manusia dan masyarakat Muslim, sambil menganjurkan pembaratan dalam masyarakat mereka. Sungguhpun sejarawan beragama Islam ini umumnya tidak seteruk pakar-pakar sejarah Barat yang mengkaji dan menilai Islam, seperti Muir, Buhl, Tom Andrae dan Watt, pemikiran mereka ternyata sudah begitu terpengaruh oleh paradigma atau ideologi bukan Islam. Setengah ahli sejarah Islam mulai kehilangan punca apabila berdepan dengan persejarahan tentang orang Islam yang dihidangkan oleh para orientalis dan pendekatan serta kaedah sejarah yang mereka popularkan. Kebanyakan daripada tulisan mereka muncul selepas kemerdekaan politik, dan angkatan sejarawan beragama Islam ini bangkit seiring dengan kelahiran sarjana-sarjana dalam bidang lain, seperti antropologi, sosiologi dan ekonomi. Seorang tokoh terkemuka ialah Taha Hussein, dengan karyanya yang terkenal *Al-Adab al-Jahili*. Teori-teori Barat tentang pembangunan, termasuk pendekatan Marxis, digunakan bagi menganalisa individu dan masyarakat Muslim. Banyak daripada tulisan ini berbentuk *local history*, dan setengahnya dibentang dalam bentuk naratif, tanpa penggunaan kaedah sejarah yang jelas. Bagi tulisan-tulisan yang masih berpusat pada sejarah ummah, sebagai teras proses sejarah, penumpuanya lebih kepada kerajaan, khalifah dan dinasti, perperangan dan pembukaan wilayah, sedangkan situasi dan episod ini tidak semestinya mewakili nilai-nilai Islam. Kesilapan ini berpanjangan hingga hari ini, di mana bukan sedikit buku-buku sejarah tentang Islam yang dipakai di sekolah-sekolah tidak lebih daripada naratif mengenai kerajaan dan kekuasaannya, dengan segala perlakunya, termasuk kezaliman yang dilakukan. Setengah-setengahnya sememangnya berjaya menyingkap masa silam dengan baik, berdasarkan fakta-fakta yang konkret, tetapi pembentangan dan

pengolahan sejarah itu malangnya membelaikan tuntutan Al-Quran dan Al-hadith yang menggesa pencarian pedoman dan penimbaan inspirasi, sehingga kesah-kesah lepas itu muncul dalam bentuk yang kaku dan kurang bermakna. Mereka ternyata kurang kritis, sedangkan sudut pandangan Islam menuntut mereka melihat proses sejarah dari perspektif keimanan manusia, komitmen kepada makruf atau sebaliknya. Dalam hal ini sejarawan berkenaan terperangkap dalam satu sindrom pengagungan masa lalu begitu rupa, seperti yang dijelaskan oleh seorang penulis.

"All of us seem intoxicated by the tales of bygone splendour and ancient glory. The study of Islamic history, far from being a discipline of reflective inquiry for the sake of Muslim present and future, has been transformed into the most debased genre of intellectual debauchery. There seems to be no place for anything but lascivious self-indulgence and pruriant narcissism in its annals".⁵⁶

Perbahasan mengenai *Euro-centricty* dan *Malayo-centricty* suatu masa dahulu ialah satu tahap dalam perkembangan pemikiran mengenai persejarahan, yang malangnya telah berhenti begitu sahaja. Bagi sejarawan Islam ia seharusnya dilanjutkan lagi sehingga ke satu tahap di mana pendekatan Islam mengambil alih dan sejarah Malaysia, khususnya, dilihat dari sudut Islam. Sehubungan ini, tidak wajar untuk kita berterusan mempersalahkan sejarawan-sejarawan luar yang gagal memahami manusia dan masyarakat Malaysia, kerana mereka tersebut sesungguhnya telah terpengaruh oleh pandangan dunia masing-masing, atau terbawa-bawa oleh nilai-nilai tertentu akibat daripada *culture conditioning* mereka.

Sememangnya terdapat akhir-akhir ini suatu kecenderungan untuk melihat perkembangan sejarah semasa dari sudut pertentangan antara Islam dan Barat, atau perlanjutan Perang Salib. Tetapi apakah sudah mencukupi dengan sekadar mengandaikan bahawa Perang Saudara di Lebanon sebagai angkara golongan Kristian untuk mengambil alih kuasa, sedangkan latar belakang kepada krisis dan kekacauan yang berlaku di negara Arab itu padat dengan pengesahan tentang keruntuhan moral manusia dan masyarakat, kalau dilihat dari

sudut Islam. Begitu juga halnya dengan Perang Teluk, yang menyaksikan pertentangan antara Iraq di sebelah pihak, dan Amerika Syarikat dengan sekutunya di sebelah pihak yang lain. Apakah sudah cukup dengan gambaran simplistik bahawa Washington ingin mengekalkan kedudukannya di Timur Tengah dan berhasrat menentukan perjalanan politik di rantau itu, sedangkan gambaran tentang kekejaman rejim Saddam Hussein terhadap ulama, pembunuhan yang dilakukannya ke atas kaum Syiah dan golongan minoriti Kurdis, dan peperangan yang dilancarkannya terhadap Iran, amat jelas dan boleh dengan mudah dijadikan hujah untuk menunjukkan kezaliman yang berleluasa selama ini, dan bagaimana Perang Teluk merupakan balasan ke atas segala perlakuannya? Paling akhir ialah peristiwa di Bosnia, akibat dari perpecahan Yugoslavia. Tidaklah hendak dinafikan bahawa tindak-tanduk Barat diresapi oleh sentimen atau perkiraan keagamaan, tetapi apakah sejarawan Islam tidak perlu meninjau keislaman orang-orang Islam Bosnia sebelum mereka dilanda mala petaka itu? Ini adalah di antara beberapa persoalan yang boleh dibangkitkan oleh mereka yang ingin melihat realiti sejarah dari sudut Islam.

Pada umumnya, pelarian ahli sejarah beragama Islam dari kaedah sejarah Islam menunjukkan suatu krisis keyakinan dalam diri mereka. Telah wujud ketidakyakinan terhadap pendekatan Islam, atau terdapatnya kejahanan tentang pendekatan tersebut, sehingga timbulnya komitmen merujuk dan menggunakan kaedah-kaedah lain, sambil terbabit dalam perkembangan dan pemupukannya.

IV. Penilaian Semula Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial

Dalam era kebangkitan semula Islam hari ini, idea sejarah dan persejarahan seharusnya diberi penilaian semula, agar komitmen keagamaan berperanan dalam kaedah penulisan dan persembahan. Pandangan dunia tauhid, sebagai suatu yang *integral* dalam kehidupan Muslim, seharusnya berfungsi sama dalam pembabitan kesarjanaannya. Kesedaran tentang alam jagat selaku satu keseluruhan yang mengandungi bahagian-bahagian yang berinteraksi, dengan masing-masingnya menjadi petanda *ayatullah*, perlu mendasari pendekatan ini. Manusia dalam sejarah juga dilihat dari sudut yang sama. Kalaulah Barat merasa megah

kerana dapat meninggalkan Kristianiti serta menuju sekularisme/ positivisme, dan berpendirian bahawa itu ialah suatu kemajuan, maka orang Islam sewajarnya ‘menempatkan’ campur tangan Tuhan dalam proses sejarah manusia dan membuat penilaian-penilaian yang selari dengannya. Pendekatan yang membawa dan menuju kepada *God-centricty* ini ialah suatu kemajuan dari sudut Islam, walaupun penempatan *providential order* dipandang sebaliknya oleh mereka yang berhaluan kebaratan. Kerana, sebagai penilai sosial, sejarawan juga ‘seharusnya bukan sekadar ingin memahami, mengkaji, menganalisa, menerangkan dan membuat ramalan atau menemukan hukum-hukum yang tetap dalam gejala sosial, tetapi juga turut menjadi agen perubahan yang mendorong ke arah kebaikan yang dikehendaki oleh agamanya....⁵⁷

Perubahan orientasi dan pembetulan perspektif yang dimaksudkan ini mempunyai implikasi besar, melebihi persoalan yang dibangkitkan oleh Braecklough, bahawa ‘setiap generasi menulis sejarahnya’. Benar sekali terdapat keperluan menanggapi masa lepas dari pengetahuan semasa, lantaran penambahan maklumat dan pemahaman yang bertambah, tetapi lebih penting lagi ialah keperluan menangani masa kini dan masa depan bersandarkan sejarah yang diperakui dari sudut ideologi Islam. Apabila masa lalu dihakimi mengikut tuntutan-tuntutan keagamaan, maka ‘ideia kemajuan’ yang terjelma ialah konsepsi Islam tentang kehidupan yang seterusnya akan berfungsi menggerakkan kehidupan masa kini dan menentukan masa depan. Penujuan masa muka bukan sahaja boleh digerakkan berpandukan sejarah, tetapi juga dinilai berdasarkan nilai-nilai dalam sejarah itu. Dalam konteks ini, sejarah Islam menjadi ilmu yang bermakna dan berguna, dan bukannya sebagai rakaman yang ketandusan roh dan erti. Sejarawan Islam tidak seharusnya berasa rendah diri atau bersikap apologetik disebabkan kecenderungan yang berlawanan dengan empiris moden ini. Dalam Islam dimensi metafizika ialah sebahagian daripada kehidupan beragama.

Lantaran itu, tugas sejarawan Islam adalah besar, kerana mereka bertanggungjawab pada pokoknya kepada Allah, Penentu Sejarah dan Hakimnya yang muktamad. Dalam persekitaran sekarang, mereka umumnya bertindak sebagai *proxy* kepada sejarawan-sejarawan bukan Islam, yang sebahagian pentingnya bermusuhan dengan Islam, atau sebagai sarjana pinggiran yang menumpukan perhatian kepada manusia dan masyarakat

beragama Islam sahaja, sehingga itu sahaja seolah-olahnya merupakan matlamat pengkajian sejarah. Di samping membentuli orientasi dan perspektif, sejarawan Islam seharusnya mengkaji dan menilai keseluruhan realiti, iaitu dunia dengan segala isinya; pertama, kerana kesemuanya ini ialah kejadian Allah yang mengandungi makna sejarah, dan kedua, mahu tidak mahu, kenyataan-kenyataan ini berfungsi dan berinteraksi dengan proses keislaman. Kekuatan Islam sebagai satu pengaruh ketamadunan amat bergantung kepada sarjana-sarjana seperti ahli sejarah, kerana menerusi penyelidikan dan penulisan mereka masyarakat akan terdedah kepada nilai-nilai Islam yang membolehkan mereka memahami dunia luar dari sudut sepatutnya.

Persejarahan Islam yang sedia ada bukanlah sepenuhnya tidak boleh dipertahankan, sama ada dari segi pendekatan yang digunakan ataupun kandungannya. Apakah lagi sebahagian daripadanya boleh dijadikan asas untuk merekonstruksi realiti sosial. Isu yang berbangkit ialah keperluan membentulkan beberapa perspektif lama yang tidak secocok dengan konsep Islam tentang sejarah, dan keperluan mengembangkan idea sejarah Islam ini supaya menjadi ideologi yang berpengaruh - idea sejarah yang menjadi ukuran pencapaian manusia.

Tugas pertama mudah untuk diperkatakan, tetapi sukar untuk dijalankan, memandangkan pelbagai pihak yang terlibat dalam penulisan sejarah Islam mendekatinya dari sudut-sudut yang berbeza dan berbekalkan ideologi-ideologi yang tidak sama. Tambahan pula, seperti yang pernah dijelaskan oleh Tibawi,

*"Religious perception is a spiritual, intuitive experience. It cannot be comprehended by analytical or critical methods. Those outside a religious system can never capture the significance of the experience of those inside it. It is a thing that cannot be learned in books."*⁵⁸

Dan sememangnya akal, tanpa bantuan luar, hanya mampu memahami pencapaian oleh akal, dan apa-apa yang terkeluar daripada kerangka itu tidak mendapat perhatian, atau ditolak tepi sebagai sesuatu yang tidak wujud. Namun begitu, sejarawan-sejarawan yang tidak menggunakan paradigma tauhid atau Islam masih tetap mempunyai saham dan sumbangan mereka dalam

perkembangan dan pengayaan histriografi Islam. Tulisan-tulisan yang khusus membicara aspek-aspek tertentu sejarah ummah, seperti al-Ikhwanul al-Muslimoon di Mesir⁵⁹ atau pentadbiran Islam di Malaysia,⁶⁰ sekalipun tidak dibentang dari kaca mata Islam, tetap berguna dan relevan dalam pembinaan persejarahan Islam. Bahan-bahan yang dikemukakan merupakan fakta-fakta yang boleh dijadikan maklumat dalam merekonstruksi realiti sosial Islam. Tulisan-tulisan yang lain pula barangkali lebih menepati kehendak keadaan, disebabkan objek kajian, iaitu manusia dan masyarakat beragama Islam, tidak berkembang dalam kerangka Islam. Oleh itu ia lebih mudah ditangani dan difahami dengan menggunakan pendekatan-pendekatan seperti funsionalisme dan sebagainya. Di samping itu tidak kurang pula jumlah sejarawan yang sanggup melihat sejarah dari sudut Islam, dengan mengemukakannya mengikut tafsiran Islam, sekalipun mereka tetap menganut agama mereka dalam kehidupan. Apapun kekurangan atau kesilapan sejarawan-sejarawan ini dari segi Islam, mereka telah muncul sebagai pengkritik yang berjaya menelanjangkan setengah kelemahan ummah, dan saham dan sumbangan ini amat berguna bagi mengenal diri dan membangun masa depan.

Tugas kedua ialah menjaya dan menjual idea Islam tentang sejarah, dan mewujudkan komitmen yang luas supaya pendekatan Islam digunakan dalam memahami sejarah umat Islam dan dunia bukan Islam. Cara ini juga akan membebaskan sejarawan beragama Islam dari konkongan masa lepas, dan memandunya kepada arah yang ditentukan oleh Islam. Sejarah yang dibentangkan ini juga seharusnya merupakan sejarah Islam, dalam erti kata fokusnya adalah kepada nilai-nilai Islam sebagai pembentuk realiti, atau sejarah umat Islam yang dilihat dari perspektif Islam. Dari satu segi, ini merupakan pengulangan kepada usaha-usaha sejarawan Islam awal, yang melihat Islam sebagai satu kesatuan yang berkembang, dan merangkumi agama, masyarakat, kekuasaan politik, kebudayaan dan tamadun. Ini berbeza daripada sejarah orang Islam sebagaimana yang terdapat pada hari ini, dengan penekanannya kepada *hukum nature* tanpa menghiraukan sama ada bercanggahan ataupun tidak dengan nilai-nilai Islam.⁶¹ Hujah Sayyid Qutb amat menepati kehendak ini:

"Sejarah Islam harus ditulis-ulang dengan bertolak-pangkal dari sudut-pandang Islam (yang baru) dalam

wawasan atau perspektif yang baru pula, guna menampak-nyatakan raliasi-rahasia dan semangatnya serta meluas-dalamkan cakrawalanya.”⁶²

Beliau seterusnya menegaskan keperluan memahami motif-motif di sebalik perjalanan sejarah berpandukan pandangan Islam ini, di samping mengemukakan satu rangka berguna dalam membina sejarah dari kaca mata Islam.⁶³ Dengan pencapaian dalam aspek ini, masyarakat Islam diharap memperoleh rangsangan untuk mengembangkan lagi nilai-nilai Islamiyyah sehingga menentukan proses sejarah global. Ini pernah berlaku dalam sejarah Islam, seperti yang ditegaskan oleh Mahmud Al-Akad:

“It was this universal doctrine that equipped Islam to forge ahead, triumphant over doughty adversaries of the world and to await victory in the face of usurpers and aggressors. Such was the belief that made possible for Muslims to defend themselves in defeat and endure confident of the turn of events in their favour.”

Dalam konteks ini, pemahaman dan pengenalan peranan dan penglibatan Rasulullah S.A.W. amat relevan sekali, kerana dalam diri dan dimensi hidup baginda terdapat contoh teladan yang baik. Sejarah Islam yang berkisar pada perjuangan Nabi Muhammad S.A.W. ialah suatu *embodiment* sejarah yang ditanggapi dari sudut Islam, dan mewakili episod-episod terpenting dalam sejarah umat Islam. Pandangan dunia tauhid yang mendasari dan mempengaruhi kehidupan dan komitmen Rasulallah S.A.W. menjadi faktor utama yang mewujudkan keadaan dan persekitaran ini, sebagaimana sejarah Rasul-rasul dan Nabi-nabi sebelumnya, yang kesemuanya memanifestasi pembabitan yang sama. Transformasi dalam kehidupan bangsa Arab dan zaman Jahiliyyah ke zaman Islam telah dicetuskan oleh pandangan dunia tauhid yang dibawa oleh baginda, dan pandangan dunia ini boleh difahami dengan baik menerusi pendekatan yang berlandaskan keimaman kepada Allah. Atas pegangan yang serupa, Abu Bakr Siraj Ed-Din melihat keagungan masa lepas Islam, kerana tamadun yang lahir dalam wadah awal itu terbentuk oleh nilai-nilai yang datang terus dari Allah.⁶⁴ Penolakan kehidupan yang berteraskan

tauhid ini terjelma dalam bentuk pendirian dan pelakuan musuh-musuh Allah seperti Haman dan Namrud, yang masing-masingnya telah menerima kemurkaan Tuhan dalam sejarah. Proses sejarah di sini berperanan bukan sahaja menerang penghayatan kehendak Allah, tetapi juga menyedarkan terhadap keperluan manusia di zaman Muhammad dan selepasnya agar mencontohi kehidupan yang direndai, dan tidak mengulangi kehidupan yang dikutuki. Malah sejarawan-sejarawan Islam masa lalu, dalam usaha mereka mendapat penerangan lanjut, telah meneroka sumber-sumber lain, termasuk cerita-cerita daripada Injil, untuk mendapat penambahan kepada pengesahan mereka.

→ Mungkin akan timbul pertanyaan: bagaimanakah kita akan menempatkan realiti “luar” dalam skema sejarah Islam ini? Sedangkan hakikat luar itu merupakan satu kewujudan - satu kewujudan yang berkembang, dan dari dahulu lagi ia berinteraksi dengan Islam, dan telah mempengaruhi proses sejarah ummah. Pertama, kehidupan tersebut seharusnya dikaji dan diperkatakan sehubungannya dengan proses sejarah Islam, iaitu bagaimana nilai-nilai Islam telah berjaya mempengaruhinya, atau bagaimana kehidupan ummah telah terpengaruh oleh unsur luar itu. Kedua, kehidupan tersebut juga masih boleh dianalisa dari sudut Islam, sekalipun tidak berhubungan dengan masyarakat Islam. Perjalananya boleh dijadikan iktibar, dan pencapaiannya boleh dijadikan asas perbandingan dengan realiti dalam sejarah Islam. Orang Islam memerlukan pengetahuan yang banyak, tentang dirinya dan kehidupan lain, untuk menjadi penentu sejarah. Keupayaan ini akan membentengi mereka, dan mengurangkan pendedahan kepada pengaruh luar yang merosakkan sejarah mereka.

Beberapa pandangan yang diutarakan oleh pemikir-pemikir Islam semasa menepati kehendak dan matlamat merekonstruksi realiti sosial ini. Ismail al-Faruqi, dalam satu pembentangannya, telah mengemukakan satu sukatan pelajaran mengenai tamadun Islam yang amat menarik, yang sekali gus menjawab persoalan pendekatan Islam terhadap sejarah. Dalam rumusannya itu, beliau telah memperkenalkan *syllabus* yang menggariskan perkembangan tamadun Islam dari kemunculan Islam dengan berlatarbelakangkan beberapa tamadun terdahulu, hingga kepengluanan pengaruhnya menjadikannya tamadun berpengaruh dan terpengaruh. Sedikit berlainan, tetapi masih

menepati kehendak idea sejarah mengikut Islam ialah pendapat Fathi Osman, apabila beliau mencadangkan supaya perkembangan tamadun Islam dilihat dari kedudukannya awalnya sebagai *civilizational forces*, diikuti oleh pemupukannya dan kemajuannya (*civilizational contributions*). Idea-idea serupa pernah di kemukakan oleh Abul-Hassan al-Nadwi dan Sayyid Qutb. Sambil mengkritik keghairahan sejarawan-sejarawan beragama Islam yang telah membangkitkan dan membesar-besarkan pencapaian raja dan maharaja, Abu Hassan Ali Nadwi mahu agar perjuangan pembela Islam diketengahkan sebagai tokoh-tokoh utama dalam sejarah Islam. Sebelum beliau, Shah Waliyullah al-Dahlawi juga menimbulkan perbezaan antara sejarah Islam dengan sejarah penganut Islam, dan telah memperihalkan pencemaran ideologi Islam oleh perkembangan Sains, proses tamadun lain dan kebangunan sosial. Bagi Sayid Qutb, kejayaan awal Islam terletak pada penghayatan nilai-nilai spiritualnya, dan kejayaan ini bertukar menjadi suatu kejatuhan apabila umat Islam terdedah kepada korupsi berikutan kebangkitan dan kemenangan Umayyah. Malah beberapa orang sarjana Barat telah menggunakan pendekatan serupa, seperti menjadi kebudayaan Islam sebagai *organizing concept*, dan dari situ mengembangkannya dalam bentuk huraian sejarah berikutannya, atau memilih pandangan dunia manusia Islam sebagai titik tolak kepada penerangan dan perbincangan sejarah,⁶⁵ cuma, sebagaimana yang terdapat dalam penulisan Goldziher, Gibb dan von Grunebaum, mereka tetap terpengaruh oleh prejudis masing-masing dalam penerokaan tersebut. Sebuah karya menarik yang juga cuba mengupas sejarah Islam sebagai perjuangan ummah untuk menghayati idealisme Islam ialah *Discovering Islam*, tulisan Akhbar S. Ahmed.⁶⁶

Penutup

Sarjana, seperti ahli politik, akan berterusan berinteraksi dalam persekitaran ideologi, dengan pandangan dunia mereka beroperasi mempengaruhi pendekatan dalam penulisan mereka. Penambahan maklumat dan pengecilan dunia bukanlah suatu jaminan bahawa konflik pendekatan akibat daripada percanggahan budaya akan semestinya berkurangan. Keadaan sebaliknya berkemungkinan juga berlaku. Etnosentrisme, termasuk Eurosentrisme, iaitu kecenderungan menjadikan kumpulan etnik sendiri dan ukuran sosialnya sebagai asas dalam

penilaian pihak lain terus berkembang, sekalipun perjahan fizikal sudah lama berakhir.⁶⁷ Seiring atau bersalutan dengan penonjolan pendekatan luar ini ialah pemupukan pendekatan sejarah yang memfokuskan dan menjadikan manusia semata-mata sebagai penentu dan proses sejarah, iaitu suatu usaha yang semakin menerima pengiktirafan sejagat. Konflik intelektual Islam-Barat ternyata masih belum benar-benar reda. Kontroversi yang berkisar pada novel *Satanic Verses* telah memberi nafas baharu kepada usaha menjatuhkan imej Islam menerusi penulisan dan kesarjanaan, dan memberi peluang kepada pengulangan peristiwa yang meletus sekitar penerbitan *A Short History of the World*, karya H.G. Wells. Salman Rushdie menjadi sebahagian daripada tradisi yang terpupuk oleh Orientalisme yang menjajarkan nama-nama pakar yang menghina Rasulullah S.A.W., seperti Pedro de Alfonso, Bacon, Dante dan Gibbon. "The way in which Rushdie handles history gives greater ideological force to the myths and legends, almost exclusively ignoring the body of Muslim history."⁶⁸ Lebih menakutkan lagi ialah pemaparan sejarah semasa menerusi tulisan-tulisan yang mengagung-agungkan pencapaian kapitalisme dan demokrasi-liberal Barat, berikutan kejatuhan Soviet Union. Propaganda ini lebih sukar untuk ditangani, berbanding dengan penyerangan terhadap Islam yang terdapat dalam Orientalisme tradisional. Mesej yang terkandung dalam *The End of History and the Last Man*, karya Francis Fukuyama, jelas memperlihatkan kecenderungan untuk memasarkan dan mensejagatkan idea kehidupan Barat ini.

Sejarawan, sebagaimana sejarah yang dihasilkannya, mempunyai misinya, dan pemilihan pendekatan akan menentukan pencapaian objektifnya. Dia perlu mempunyai ISI, iaitu Ideologi, Strategi dan Identiti. Bagi sejarawan Islam, sebahagian daripada mereka bertanggungjawab mengemukakan pendekatan Islam, dengan memaparkan, menerusi penyelidikan dan penulisan sejarah, kebenaran tafsiran Al-Quran. Pemahaman tentang masa, kehidupan, dan proses sejarah dari perspektif ini akan menyediakan pemikiran yang mampu melahirkan tamadun manusia.⁶⁹ Sehubungan ini, saya ingin mengesyorkan agar sejarawan Islam menjadikan realiti Islam sebagai *Greater History*, sekalipun pada beberapa tahap perkembangan manusia yang lalu ia tidak merupakan suatu arus besar, ataupun arus yang berpengaruh dan mendefinisikan persekitaran dunia, dan melihat yang selain daripadanya sebagai *Lesser History*, sekalipun ia pernah

menguasai kehidupan manusia. Sejarah Islam sememangnya kaya dengan peribadi dan peristiwa yang membolehkan pendekatan itu dipopularkan dengan berkesan, manakala kebangkitan semula Islam masa kini mampu membekalkan sejarah dengan bahan bermakna bagi mereka yang berminat mengguna paradigmatauhid dalam pengkajian mereka. Beberapa buah karya sejarah berbentuk ini, seperti *Islam in History and Society* dan *The Quranic Phenomenon* oleh Malik Ben Nabi boleh dijadikan contoh. Perhubungan manusia dengan Penjadinya hanya boleh didekati dan difahami dengan baik oleh pengkaji dan penilai yang memilih sudut pandangan yang ditentukan oleh-Nya. Dalam konteks ini, sejarawan bukan Islam masih mampu mendekati sejarah dari sudut ini jika beliau ikhlas dan berpengetahuan untuk menanggapi realiti ummah dan anggotanya dari perspektif tersebut; paling tidak dengan menggunakan pendekatan komparatif, sekalipun seperti yang tekanan oleh Sayid Quth, "... seorang sejarawan Muslim tentulah lebih utama dan lebih wajar untuk melihat Sejarah Ummat Islam."⁷⁰

Dalam usaha menyejagatkan pendekatan Islam, tidak timbul persoalan menghangatkan keadaan dan mencetuskan konflik akibat daripada pertentangan nilai. Masing-masing pihak boleh mempertahankan pendirian, hatta ortodoksi, masing-masing, tetapi dalam masa yang sama sanggup mengiktiraf perbezaan pendapat dan menghormati pendirian orang lain. Malah menerusi perspektif yang berlainan, yang dibentuk oleh pandangan dunia yang tidak sama, perkembangan kesarjanaan dan pengayaan pengetahuan juga boleh berlaku. Kalaupun hakikat konflik pendekatan ini dikhuatiri, ia tetap juga akan wujud. Cuma yang diharapkan ialah agar pemupukan kesarjanaan itu tidak dibuat secara sengaja atas dasar untuk memburuk atau mempersenda-sendakan pihak lain.

Bukanlah suatu perkara yang memalukan jika sekiranya ahli sejarah memunculkan diri sebagai *ideologue*, kerana selaku pihak yang berbentuk oleh pandangan dunianya dia seharusnya berkelakuan demikian. Dia ialah manusia yang *concerned* serta *committed*, dan bukannya seorang *onlooker* yang berlagak *value-free* tetapi pada hakikatnya terikat oleh pembawaan budaya sehingga bertindak berat sebelah dan dengan penuh prasangka. Dalam keadaan dunia yang semakin mengecil, dan penduduk dunia semakin bergerak sebagai *participant-observer*, keperluan menjadikan

diri sebagai *ideologue* ini menjadi semakin mendesak. Interaksi yang semakin rancak akibat globalisasi semakin mempertemukan manusia di pelbagai pentas antarabangsa, dan ini semakin menuntut mereka supaya mempunyai pendirian dan membuat pendirian. Persoalan melahirkan sejarah *setakat menunjukkan bagaimana ia sebenarnya terdapat*, seperti yang dibangkitkan oleh Ranke, dan diusahakan oleh sejarawan-sejarawan Acton dan Bury, umpamanya, atau sejarah yang ditentukan oleh fakta-fakta yang terkumpul, bukan sahaja kelihatan mudah, tetapi sebenarnya tetap dikuasai oleh perkiraan nilai dan moral.

Nota Kaki

1. Isu *value* atau "nilai" dalam penulisan Sains Sosial telah lama menguasai pemikiran sarjana yang berusaha menghapuskan atau mengurangkan kehadirannya dalam pekerjaan mereka. Untuk keterangan lanjut, lihat umpamanya Ralf Dahrendorf, *Essays in the Theory of Society*, Routledge & Kegan Paul, London, 1970, bab "Values and Social Science", Charles Taylor, "Neutrality in Political Science", dalam Peter Laslett & W.G. Runciman (ed), *Philosophy, Politics and Society*, Basil Blackwell, Oxford, 1969, dan John Passmore, "The Objectivity of History", dalam Patrick Gardiner (ed.), *The Philosophy of History*, Oxford University Press, London, 1974.
2. "Penyakit" ini lebih-lebih lagi wujud dalam penulisan wartawan yang umumnya bertindak tergesa-gesa dalam membuat liputan, sedangkan mereka tidak berbekalkan pengetahuan yang mencukupi. Keadaan menjadi lebih parah apabila mereka terikat kepada sesuatu ideologi, atau dengan penuh kesedaran bersikap menentang pegangan hidup golongan lain. Satu kupasan menarik tentang fenomena seperti ini terkandung dalam Edward Said, *Covering Islam. How the Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of the World*, Routledge & Kegan Paul, London, 1981. Lihat umpamanya hlm. 39-40, 60 dan 62.
3. Masalah ini bukan saja melanda sejarawan yang membicarakan Sejarah Malaysia, tetapi juga telah turut menekan sejarawan-sejarawan yang terlibat dalam penulisan sejarah negara

lain di Asia. Lihat umpamanya, D.P. Singhal, "The Writing of Asian History", dalam R.J. Maguire (ed) *Hemisphere*, Donald Moore Books, Singapore.

4. James Steve Counelis, "Knowledge, Values and World-Views", dalam Ziauddin Sardar (ed.), *The Touch of Midas*, Petaling Jaya, 1988, hlm. 211-212.

5. Untuk perbahasan selanjut, lihat Thomas S. Kuhn, *The Structure of Scientific Revolutions*, Chicago, 1970. Paradigma merupakan "order" atau "intellectual construct" yang mengurus pemikiran dan pemahaman, sambil meletakkan garis-garis normatif sebagai panduan. Lihat juga Mona Abul-Fadl, *Paradigms In Political Science Revisited*, The Association of Muslim Social Scientists and the International Institute of Islamic Thought, 1989.

6. Asaf Hussein, "The Ideology of Orientalism", dalam Asaf Hussein et.al (ed.), *Oreintalism, Islam and Islamicists*, Vermont, 1984.

7. Satu kupasan rengkas, tapi menarik, terkandung dalam Mustafa As-Sibaie, *Al-Istisyraaq Wal Mustasyriqun*, (Terjemahannya dalam Bahasa Indonesia oleh Ahmadie Thaha berjodol Akar-akar Orientalisme, diterbitkan di Surabaya, 1983). Sebuah karya lain, juga berasal dari Bahasa Arab, ialah Orientalisme. Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam, oleh Mahmud Hamdi Zaqquq (DBP, Kuala Lumpur, 1989). Tajuk asal: *Al-Istishraq Wa-al-Khalfiyah li al-Siva al-Hadari*, dan terjemahannya telah dibuat bersama oleh Mudasir Rosder dan Che Yusuf Che Mat. Sumbangan besar dan kontroversil berhubung Orientalisme ialah Orientalism oleh Edward Said (London, 1978).

8. Edward Said, *Covering Islam*, hlm. 6-7.

9. Graham C. Kinloch, *Ideology and Contemporary Sociological Theory*, New Jersey, 1981, hlm. 35.

10. Ibid., hlm. 37.

11. Lihat Roland N. Stromberg, "Some Models used by Intellectual Historians", *The American Historical Review*, Vol. 80, No. 3, 1975, hlm. 564-565.

12. Reinhard Bendix dan Guenther Roh, *Scholarship and Partisanship: Essays on Weber*, London, 1971, hlm. 67. Lihat juga Morton G. Wenger, "Marxism and Social Research: The Mythology of Epistemology", *Science and Society*, Vol. 52, No. 2, 1988.

13. Keadaan "tidak menyedari hakikat itu" mungkin disebabkan ideologi juga merupakan "invisible, or unconscious aspect of all human culture", George A. Huaco, "Ideology and General Theory: The Case of Sociology Functionalism", *Comparative Studies in History and Society*, Vol. 28, No. 1, 1986, hlm. 34. Lihat juga Irving Louis Horowitz, "Sociology and Subjectivism", *Society*, Vol. 26, No. 5, July-August 1989.

14. Lihat umpamanya, R.C. Majumdar, "Ideas of History in Sanskrit Literature", dalam C.H. Philips (ed.), *Historians of India, Pakistan and Ceylon*, OUP, 1961.

15. Lihat umpamanya, Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Hj. Yahya, *Sejarah dan Persejarahan*, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 1-6, 46.

16. Lihat, sebagai contoh, Michael A. Meyer, "The Emergence of Jewish Histriography: Motives and Motifs", dalam *History and Theory. Essays in Jewish Histriography*, Wesleyan University, 1988.

17. Lihat H.E. Barnes, *A History of Historical Writing*, New York, 1963, hlm. 42-43. Perbahasan lebih menyeluruh terkandung dalam Herbert Butterfield, *Christianity and History*, London, 1954.

18. Bishop Sebeos, berbangsa Armenia, hidup di zaman Khalifah Omar al-Khatab, dan telah menghasilkan *History of Heraclius*, yang antara lain memuat kisah Nabi Muhammad dan penentangannya terhadap amalan menyembah berhala di kalangan orang Arab.

19. Fra Fidenzio, seorang rahiib, yang menulis sekitar 1290 dalam bukunya *Liber Recuperationis Terrae Sanctae* berjaya membentangkan kedudukan Islam sebagai satu agama, dan satu cara hidup. Namun begitu beliau tidak senang dengan amalan poligami, dan telah mengutuknya.

20. Wang Gungwu, "Pre-Modern History: Some Trends in Writing the History of Song (10th - 13th Centuries)", dalam Michael B. Yahuda (ed.), *New Directions in the Social Sciences and Humanities in China*, London, 1987, hlm. 3.
21. Raymond Aron, *The Opium of the Intellectuals*, New York, 1957, hlm. XVI.
22. Lihat umpamanya, Irving M. Zeitlin, *Ideology and the Development of Sociological Theory*, New Jersey, 1968, hlm. 3-10.
23. Lihat Gareth Stedman Jones, "History: The Poverty of Historicism", dalam Robin Blackburn, *Ideology In Social Science*, Fontana, 1977, hlm. 101 dan 102.
24. Wang Gungwu, *Scholarship and the History and Politics of Southeast Asia*, Flinders University of South Australia, 1970, hlm. 11.
25. Lihat umpamanya, R.C. Majumdar, "Nationalist Historians", dalam C.H. Philips (ed.), *Historians of India, Pakistan and Ceylon*. Pada akhir-akhir ini di Eropah, setengah sejarawan menerima tekanan supaya tunduk kepada realiti terbaru berikutan kemunculan "Komuniti Eropah", iaitu pemupukan integrasi kerantauan. Lihat Keith Robbins, "National Identity and History: Past Present and Future", *History*, Vol. 27, No. 25, 1990.
26. D.P. Singhal, "The Writing of Asian History", hlm. 133.
27. Raymond Aron, *The Opium of the Intellectuals*, hlm. 134.
28. Lihat R.N. Berki, "On Marxian Thought and the Problem of International Relations", *World Politics*, No. 1, October 1971, dan "International Relations", dalam *Marxism, Communism and Western Society. A Comparative Encyclopedia*, Vol. 41, hlm. 370-377.
29. Untuk keterangan lanjut, lihat Ulrich W. Haarmann, "Ideology and History, Identity and Alterity: The Arab Image of the Turk From the Abbasids to Modern Egypt", *International Journal of Middle Eastern Studies*, 20, 1988.

30. Lihat Emmanuel Sivan, *Interpretations of Islam*, New Jersey, 1985, hlm. 3, 43. Begitulah juga sikap dan pendirian N. S. Naipul, pengarang *Among the Believers*, dan Joan Peters, pencipta *From Time Immemorial: The Origins of the Arab-Jewish Conflict Over Palestine*, yang secara sedar ataupun tidak, telah melanjutkan Orientalisme.
31. Lihat "Introduction" dalam R. Higgott dan R. Robinson (ed.) *Southeast Asia. Essays in the Political Economy of Structural Change*, London, 1985, hlm. 6.
32. Lihat Fred D'Agostino, "The Sacralization of Social Scientific Discourse", *Philosophy of the Social Sciences*, Vol. 18, 1988.
33. Sebagai contoh, lihat George Fisher, "Sociology", dalam G. Fisher (ed.), *Science and Ideology in Soviet Society*, New York, 1967, hlm. 3, 4, 6-7.
34. Lihat perbahasan dalam T.G. Ashplant dan Adrian Wilson, "Present-Centred History and the Problem of Historical Knowledge", *The Historical Journal*, 31, 2, 1988.
35. Lionel Rubinoff, "Historicity and Objectivity", dalam W.J. Van de Dussen dan Lionel Rubimoff, *Objektivity, Method and Point of View*, Leiden, 1991, hlm. 136.
36. Ibid., hlm. 146.
37. Perbahasan mengenai konsep Islam terhadap sejarah ini juga telah di terokai dengan mendalam oleh ulama terkenal Murtaza Mutahhari, tetapi oleh kesuntukan masa dan komitmen lain, pengkajian dan penilaian beliau terpaksa diketepikan dahulu buat sementara waktu. Karya Ayatullah Murtaza Mutahhari di bentang dalam Bahasa Parsi, dengan tajuknya, *Jami'e wa tarikh. Terjemahan-terjemahan yang boleh didapti termasuklah Social and Historical Change. An Islamic Perspective* (R. Campbell), Bekerley, 1986, *Society and History* (Mahliqa Qarai), Teheran, 1985, dan *Masyarakat dan Sejarah. Kritik Islam atas Marxism dan Teori Lainnya* (tanpa nama penterjemah, tanpa tempat penerbitan dan tanpa tarikh; Penerbitan - Mizan).
38. Ayatullah Murtaza Mutahhari, *Fundamentals of Islamic Thought. God, Man and the Universe*, 1985, hlm. 74. Keterangan

lanjut tentang pandangan dunia tauhid terdapat juga dalam Islam R. Faruqi dan Lois L. al Faruqi, *The Cultural Atlas of Islam*, London, 1986, hlm. 74-76.

39. Lihat juga Zaman Mirza, "The Quranic Concept of History", *Hamdard Islamicus*, Vol. XII, No. 2, 1990, hlm. 13.

40. Lihat M.A.M. Shukri, "An Islamic Interpretation of History", *The Muslim*, April-may, 1975, hlm. 78.

41. Anwar al-Jundi, "The Philosophy of Islamic History", dalam Yvonne Yazbeck Haddad, *Contemporary Islam and the Challenge of History*, Albany, 1982, hlm. 156.

42. Lihat juga Abdul Hamid Siddique, "An Islamic Concept of History", *Al-Nahdah*, Vol. 4, No. 1, 1984, hlm. 39.

43. Lihat juga Syed Ali Ashraf, *The Quranic Concept of History*, Leicester, 1979, hlm. 8.

44. Lihat juga Mahayudin Hj. Yahya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 11.

45. Lihat juga Abdul Hameed Siddiqi, *A Philosophical Interpretation of History*, Lahore, 1979, hlm. 134-135.

46. Mengikut Isaiah Berlin, determinisme pada keseluruhannya menganggap penglibatan individu sebagai satu ilusi. Sir Isaiah Berlin, "Historical Inevitability", dalam Patrick Gardiner (ed), *The Philosophy of History*, hlm. 167 & 171. Determinisme dalam Islam berlainan. Kritikan terhadap determinisme yang berkembang di Barat telah juga dibuat oleh ramai sarjana. Lihat umpamanya, Karl Popper, *The Poverty of Historicism*, London, 1957.

47. M.G. Rasul, *The Origin and Development of Muslim Historiography*, Lahore, hlm. 2.

48. Michael Mazzanoui, "Islamic Contributions to History", dalam Ismail al Forugi, (ed.), *Islamic Thought and Cultures*, Washington 1982, hlm. 92.

49. Perbahasan mengenai histriografi Islam boleh didapati dari banyak sumber, antaranya Mahayuddin Hj. Yahya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, hlm. 30-67, F. Rosenthal, *A History of Muslim Historiography*, Leiden, 1968, dan Wan Yahya Wan Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, Kuala Lumpur, 1992. Sehubungan ini, pembaca perlu berwaspada apabila mengikuti penjelasan oleh Rosenthal disebabkan sikapnya yang memperlihatkan kecenderungan anti-Islam. Lihat halaman-halaman 25 dan 27, umpamanya, dalam *A History of Muslim Historiography*.

50. Lihat Bertold Spuler, "Islamic and Western Histriography", *Islamic Studies* 25:4, 1986, hlm. 422.

51. Lihat Wan Yahya Wan Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, hlm. 13-16.

52. Lihat umpamanya, Abdehalim Quayes, "Toward A New Approach In Writing History. Interpretation of History In Our Islamic Heritage", *Islam Today*, No. 5, July 1987, hlm. 34-37.

53. Albert Hourani, "History", dalam Leonard Binder (ed.), *The Study of the Middle East*, John Wiley and Sons, 1976, hlm. 98.

54. Lihat umpamanya, Aziz Al-Azmah, "Islamic Studies and the European Imagination", *Islamic Culture*, Vol. LXI, No. 1, 1987, J.W. Fuck, "Islam As an Historical Problem In European Historiography Since 1800", dalam B. Lewis dan P.M. Holt (ed.), *Historians of the Middle East*, London, 1962, dan juga Bernard Lewis, "Gibbon on Muhammad", *Daedalus*, Vol. 105, No. 3, 1976. Beberapa kritikan terhadap pendekatan yang bertentangan dengan Islam juga termuat dalam karya-karya terkemuka, seperti A.L. Tibawi, *Second Critique of English-speaking Orientalists and Their Approach to Islam and the Arabs* (London, 1979).

55. Lihat Mohamed Abu Bakar, "Konsep Kemajuan Modern dan Komitmen Kehidupan Muslim", *Islamika* IV, Kuala Lumpur, 1991.

56. S. Parvez Manzoor, "Painting Poor Copies of Heaven's Originals", *Afkar Inquiry*, Vol. 2, No. 4, April 1985, hlm. 35.

57. Mohd. Kamal Hassan, "Pembentukan Ilmu Kemasyarakatan dari Perseptif Islam", dalam Wan Hashim dan Mahayudin Haji Yahya (ed.), *Sains Sosial dari Perspektif Islam*, Bangi, 1986, hlm. 23.
58. Dipetik dari Gordon E. Pruet, ""Islam" and Orientalism", dalam Asaf Hussein et.al *Orientalism, Islam and Islamists*, hlm. 52.
59. Saya merujuk terutama sekali kepada karya Richard Mitchell, *The Society of the Muslim Brothers*, London, 1969.
60. Contohnya Moshe Yegar, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem, 1979. Lihat juga Robert L. Winzeler, "The Development of British Colonial Scholarly Interpretation of Malay Islam", *An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 1, No. 2, 1983.
61. Lihat juga Fathi Osman, "The History of Islam: New Direction", *The American Journal of Islamic Social Science*, Vol.6, No. 2, December 1989, hlm. 290.
62. As-Syahid Sayyid Quthub, *Konsepsi Sejarah Dalam Islam*, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 24.
63. Berdasarkan cadangan ini, sejarah umat Islam seharusnya ditulis mengikut garis-garis ini; Zaman sebelum Islam (mukadimah), Zaman Rasulullah, Periode Perluasaan Islam, Periode Terhentinya Perluasaan Islam dan Islam Masa Kini. Lihat ibid., hlm. 30-32.
64. Abu Bakr Siraj Ed-Din, "The Islamic and Christian Conceptions of the March of Time", *Islamic Quarterly*, Vol. 1, No. 4, December 1954, hlm. 230 dan 233.
65. Lihat Albert Hourani, "History", hlm. 113-114.
66. Akhbar S. Ahmad, *Discovering Islam. Making Sense of Muslim History and Society*, London, 1988.
67. Lihat George G. Joseph, V. Reddy dan M. Searle-Chatterjee "Ethnocentrism in the Social Science", *Race and Class*, 31 (4) 1990.

68. Ziauddin Sardar & Merryl W. Davies, *Distorted Imagination. Lessons from the Rushdie Affair*, London, 1990, hlm. 192.
69. Lihat juga Taha Jabir Al-Alwani, "Islamic Perspective on the Question of History", *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol. 7, NO. 2, 1990, hlm. 267.
70. As-Syahid Sayyid Quthub, *Konsepsi Sejarah Dalam Islam*, hlm. 27.